

200 dron digunakan pantau 'hotspot' banjir

[Noor Hidayah Tanzizi](#)

hidayah.tanzizi@hmetro.com.my



ADHAM. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Sebanyak 200 unit dron bersedia untuk dihantar ke lokasi *hotspot* (kawasan panas) banjir yang dikenal pasti di seluruh negara bagi menghadapi peralihan monsun yang diramal berlaku bermula November ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, usaha dilakukan melalui Pasukan Tindakan Kecemasan Khas Perkhidmatan Dron (PTK2Dron) 2022 untuk membantu lebih banyak kawasan yang terjejas banjir tahun ini.

Menurutnya, ia sekali gus memastikan bantuan boleh disalurkan kepada mangsa banjir secepat mungkin.

"Setakat ini, lebih 20 syarikat dan agensi dikenal pasti dengan sumber peralatan termasuk 200 unit dron yang sedia untuk dihantar ke lokasi *hotspot* banjir di seluruh Malaysia.

"Syarikat yang layak berdasarkan ketersediaan juruterbang dan peralatan akan dilatih dan ditugaskan untuk menyediakan perkhidmatan pengawasan, pemantauan dan penghantaran ke *hotspot* yang dikenal pasti," katanya pada majlis pengumuman PTK2DRON 2022 sempena persidangan dron global 2022 di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE, di sini, hari ini.

Menurutnya, sebelum ini, melalui PTK2Dron sebanyak 20 dron diaktifkan sebagai sokongan dan membantu kerja menyelamatkan agensi pengurusan bencana di Selangor, tahun lalu.

Katanya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dan Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (Mranti) berusaha mencari kaedah terbaik pengendalian dron ketika berlaku bencana khususnya banjir.

"Dengan menggunakan teknologi dron taktikal, visual dari udara akan diperoleh bagi membantu agensi pengurusan banjir untuk menilai keadaan semasa kawasan yang terjejas akibat banjir.

"Dron berteknologi tinggi juga melakukan penghantaran bekalan asas terutama ubat-ubatan, makanan dan *power bank* (bank kuasa) khususnya di kawasan yang sukar dicapai (pedalaman)," katanya.

Adham berkata, perbincangan awal bersama agensi penyelamat dan penguat kuasa seperti Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Ukur Peta Malaysia (Jupem), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta syarikat teknologi dron berkaitan diadakan bagi melancarkan lagi koordinasi dengan semua pihak.

"Persediaan awal diambil bagi melancarkan usaha membantu pengurusan bencana khususnya menghadapi musim tengkujuh seperti mengenal pasti syarikat dan operator dron agar kelulusan awal dapat diperoleh, menambah baik prosedur operasi standard dan melaksanakan simulasi tindak balas kecemasan.

"Teknologi dron membantu mengurangkan beban barisan hadapan penyelamat ketika situasi bencana dan kecemasan dengan menilai, merancang dan mengambil tindakan yang selamat, tepat dan pantas berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh dron," katanya.

Disiarkan pada: Oktober 20, 2022 @ 2:45pm
